PENGKALAN PEGOH DEVELOPMENT SDN. BHD.

lwn.

KAREN DEVELOPMENT SDN. BHD.

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
ABDUL MALEK AHMAD H
[GUAMAN SIVIL NO. 22-135-90]
12 SEPTEMBER 1990

PROSEDUR SIVIL: *Perintah dibuat oleh Hakim dalam kamar - Prosedur untuk diikuti oleh pihak yang terkilan - Samada perlu memohon kebenaran - Seksyen 68(1), (2) Akta Mahkamah Kehakiman 1964.*

Pada 5 Jun 1990 plaintif telah memperolehi perintah bahawa defendan ditahan dari terus menceroboh dan memindahkan tanah dari harta tanah milik mereka. Pada 14 Jun 1990 defendan telah memohon mengenepikan injunksi interim tersebut dan memohon perintah bahawa Penolong Kanan Pendaftar mengadakan siasatan untuk menilai gantirugi yang ditanggung oleh defendan disebabkan pemberian injunksi tersebut. Pada 15 Jun 1990 defendan telah memohon dan mendapat perintah bahawa plaintif ditahan dari memindahmilik dan dengan apa jua carapun melupuskan tanah itu dan bahawa Pengarah Tanah dan Galian Perak ditegah dari mendaftarkan apa-apa urusniaga mengenai tanah tersebut. Perintah yang diperolehi oleh defendan itu tidak memberi kesan mengenepikan perintah yang lebih awal telah diberi kepada plaintif pada 5 Jun 1990.

Selepas mendengar hujah dari kedua pihak, Mahkamah mendapati bahawa keseluruhan perkara ini timbul kerana kesilapan yang dibuat oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Perak. Mahkamah mendapati bahawa kawasan yang telah diberi kepada plaintif yang berada di atas Lot 8679 adalah sebenarnya sebahagian dari kawasan yang telah diberi kepada defendan empat bulan terdahulu.

Oleh kerana plaintif bukan mempunyai pemilikan eksklusif ke atas tanah berkenaan, Mahkamah memutuskan bahawa injunksi yang telah diberi kepada plaintif pada 5 Jun 1990 sepatutnya diketepikan dan Penolong Kanan Pendaftar diminta menilai gantirugi, jika ada, yang ditanggung oleh defendan.

Pada 1 Ogos 1990, plaintif telah memohon kebenaran merayu ke Mahkamah Agung dan juga penggantungan perlaksanaan sementara menunggu rayuan. Pada 9 Ogos 1990 Mahkamah telah menolak permohonan tersebut dengan kebebasan memohon kebenaran dari Mahkamah Agung. Plaintif telah memfailkan notis rayuan dan telah seterusnya memberitahu Penolong Kanan Pendaftar bahawa bahan perkara yang berkaitan adalah lebih dari RM100,000.

Diputuskan:

[1] s. 68(2) di masa yang lampau telah menimbulkan beberapa masalah tafsiran oleh kerana tidak jelas samada pihak yang terkilan oleh perintah yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi dalam kamar perlu memohon kedua-dua hujah lanjutnya di Mahkamah terbuka dan Hakim telah memperakukan yang ia tidak memerlukan hujah lanjut, dan juga untuk kebenaran, atau samada dia perlu memohon hanya untuk satu daripada kedua ini.

[2] (a) s. 68(2) tidak menyebut tentang amaun yang dipertikaikan dan oleh itu ianya patut dianggap tidak relevan. Walau bagaimanapun, s. 68(1) tidak menyatakan apa-apa pengecualian dan ini menyebabkan bertambahnya kesulitan tafsiran mengenai pembacaan seksyen tersebut sepenuhnya kerana kebenaran yang dinyatakan adalah untuk sebab-sebab berlainan dalam kedua-dua seksyen-seksyen kecil ini.

(b) Untuk s. 68(1), ianya kerana amaun tetapi untuk s. 68(2), mungkin ianya kerana tiada sijil yang hujah lanjut tidak diperlukan telah didapati dalam tempoh empat hari dari perintah. Tempoh empat hari di seksyen kecil (2) telah seterusnya membangkitkan masalah pentadbiran yang lain. Koma-koma yang relevan menunjukkan bahawa Hakim mesti memperakukan dalam tempoh empat hari dari perintah dan ini bermakna permohonan oleh pihak terkilan mestilah dibuat sebelum empat hari itu berlalu. Walau bagaimanapun, amalan menunjukkan bahawa sungguhpun permohonan telah dibuat dalam tempoh, fail mungkin tidak sampai ke Hakim dalam empat hari itu dan sijil pada kebiasaannya diberi selepas tempoh empat hari itu.

[3] Oleh kerana Mahkamah dalam kes ini telah memberi sijil yang hujah lanjut tidak diperlukan pada 10 Julai 1990, plaintif tidak perlu memohon kebenaran.

[Perintah sewajarnya.]

Perundangan yang dirujuk:
Courts of Judicature Act 1964, s. 68

Bagi pihak plaintif-plaintif - S. Theivanthiran dan Tony Wong Siew Ke; T/n. Thevin Chandran Siva Wong & Jamal

Bagi pihak defendan-defandan - Hira Singh dan Rabiatul Adawiyah; T/n. Ashir, Hira Singh & Co.

PENGHAKIMAN

Abdul Malek Ahmad H:

Melalui saman dalam kamar *ex parte* (lampiran 3) yang difailkan pada 5 Jun 1990 di atas sijil perakuan segera, plaintif-plaintif telah memohon perintah:

(a) defendan-defendan oleh mereka sendiri, ejen-ejen atau pengkhidmat mereka atau selainnya ditahan dari terus menceroboh dan memindahkan tanah dari tanah milik plaintif- plaintif di bawah pegangan H.S. (D) KA 3749 P.T. No. 100364 hingga H.S.(D) KA 3772 P.T. No. 100387 kesemuanya di dalam Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta, Negeri Perak Darul Ridzuan (selepas ini "tanah-tanah tersebut");

(b) defendan-defendan oleh mereka sendiri, ejen-ejen atau pengkhidmat mereka diperintahkan atau merobohkan dan memindahkan rumah paip serta paip dari tanah-tanah tersebut;

(c) defendan-defendan membayar kos permohoman kepada plaintif-plaintif; dan

(d) lain-lain relif sebagaimana yang difikirkan adil dan suaimanfaat oleh Mahkamah.

Pada tarikh yang sama, Mahkamah telah memberi perintah seperti dipohon bersyaratkan kepada suatu perakuan gantirugi.

Melalui saman dalam kamar (lampiran 12) yang difailkan pada 14 Jun 1990, juga di atas sijil perakuan segera, defendan-defendan telah memohon untuk mengenepikan injunksi interim yang diberi pada 5 Jun 1990 dan untuk perintah bahawa Penolong Kanan Pendaftar yang arif mengadakan siasatan untuk menilai gantirugi yang ditanggung oleh defendan-defendan disebabkan pemberian injunksi tersebut selain daripada memohon untuk relif yang lain atau berbangkit dan kos.

Ini telah ditetapkan pada 20 Jun 1990 tetapi pada 15 Jun 1990 defendan-defendan di atas sijil perakuan segera telah memohon (lampiran 15), dan Mahkamah telah memberi syarat kepada suatu perakuan gantirugi, perintah untuk yang berikut:

(a) plaintif-plaintif olehnya sendiri, ejen atau pengkhidmatnya atau selainnya ditahan, dan suata injunksi adalah dengan ini diberikan menahan mereka dari memindah-milik, memindahhak, melupuskan dengan apa carajuapun, menggadai atau memajak kesemua tanah-tanah tersebut sementara menunggu pelupusan kes utama;

(b) Pengarah Tanab dan Galian ditegah dari mendaftarkan apa-apa urusniaga di dalam buku pendaftaran bagi tanah-tanah tersebut; dan

(c) kos bagi permohonan ini adalah dikoskan mengikut kausa.

Perlulah ditekankan di sini bahawa permohonan oleh defendan-defendan tidak memberi efek mengenepikan perintah yang lebih awal diberi kepada plaintif-plaintif pada 5 Jun 1990.

Setelah mendengar hujah-hujah dari peguam-peguam yang bijaksama yang mewakili kedua-dua pihak, saya telah mendapati bahawa keseluruhan perkara ini telah wujud hasil dari suatu kesilapan, dengan sengaja atau sebaliknya, yang dibuat oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Perak Darul Ridzuan (selepas ini "PTGP"). Untuk menyokong permohonan injunksi, plaintif-plaintif telah merujuk kepada surat kelulusan dari PTGP di CKP-1 lampiran 2 yang dikemukakan di sini untuk kemudahan rujukan:

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Perak Darul Ridzuan,
30576 Ipoh.

Rujukan Kami: Bil. (26) dlm. PTG.
PK. 407/5-2531 Bhg. 2.

Tarikh: 8 Ramadan 1409
15 April 1989

Pengarah,
Pengkalan Pegoh. Dev. Sdn. Bhd.
53A, 1st Floor,
Jalan Lahat,
30200 Ipoh.

Tuan,

Permohonan kawasan tambahan bagi cadangan skim perumahan atas Tanah Kerajaan Mukim Ulu Kinta.

Merujuk kepada perkara yang tersebut di atas, sukacita dimaklumkan bahawa pihak berkuasa negeri telah bersetuju dengan cadangan tuan untuk membangunkan skim perumahan tanah kerajaan (kawasan tambahan) seperti ditunjuk bergaris tepi warna merah pada surihan berkepil.

2. Tanah-tanah ini akan dikeluarkan suratmilik berasingan atas nama Pengkalan Pegoh Dev. Sdn. Bhd. mengikut plot-plot pelan pinta ukur yang akan disedia dan diluluskan oleh Majlis Bandaraya Ipoh tertakluk kepada perjanjian dan syarat-syarat seperti berikut:

(a) Jenis milk	-	Pajakan negeri.
(b) Tempoh	-	99 tahun.
(c) Penjenisan	-	Bangunan.
(d) Premium	-	*Tapak Kediaman* Akan ditentukan kemudian oleh PTG Perak.
(e) Hasil	-	*Tapak kediaman* RM2.00 tiap-tiap 100k.p. atau sebahagian daripadanya tertakluk hasil minima RM30/- satu hakmilik setahun.

(f)	Bayaran ukur	-	Mengikut Jadual.
(g)	Syarat-syarat tertentu	-	*Tapak kediaman* Tanah ini akan hanya digunakan sebagai tapak sebuah rumah kediaman.
(h)	Sekatan milik	-	Tanah ini tidak boleh dipindahmilik dengan apa cara juapun melainkan kepada orang yang diluluskan secara bertulis oleh Menteri Besar, Perak. Sekatan ini tidak lagi akan terpakai selepas tujuh tabun daripada tarikh pindahmilik pertama
(i)	Bayaran pelan suratmilik	-	RM10.00 tiap-tiap satu lot.
(j)	Bayaran penulisan	-	RM30.00 tiap-tiap satu suratmilik.
(k)	Bayaran hakmilik tetap	-	RM30.00 tiap-tiap satu suratmilik.

II. 30% daripada rumah teres dikhaskan penjualannya kepada Bumiputra.

III. Sila berhubung dengan Unit Bumiputra, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak bagi mendapatkan nasihat dan sebagainya berhubung dengan perkara ini.

IV. Semua pelan-pelan bangunan dan pembangunan sekim ini hendaklah diluluskan terlebih dahulu oleh Majlis Bandaraya Ipoh sebelum sebarang kerja dimulakan.

V. Semua infrastruktur dan lain-lain rizab kegunaan awam yang ditunjuk dalam pelan tataatur hendaklah diukur dan dibangunkan oleh tuan ke satu taraf yang akan dipersetujui untuk diambilalih oleh Majilis Bandaraya Ipoh.

VI. Pengkalan Pegoh Dev. Sdn. Bhd. dikehendaki mengemukakam permohonan resmi untuk memiliki tapak tersebut.

3. Sekiranya tuan sanggup menerima syarat-syarat di atas, sila tuan lengkapkan PTP Jadual 1 seperti berkepil dalam 4 salinan dan sertakan juga bayaran pendaftaran permohonan sebanyak RM10.00 dan memulangkan dengan segera ke pejabat ini untuk tindakan selanjutnya.

4. Di samping itu juga sila tuan kemukakan 5 salinan pelan tataatur pindaan seperti yang telah diminta.

5. Sekiranya dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh penerimaan surat tawaran ini tuan tidak mengemukakan butir para 3 seperti yang diminta, maka tuan dianggap tidak berminat meneruskan sekim perumahan ini dan kelulusan yang diberi dengan sendirinya akan luput.

Sekian dimaklumkan.

Saya yang menurut perintah.
tt. (HAJI MUSA BIN HAJI ASMAD, AMP)
b.p. Pengarah Tanah dan Galian,
Perak Darul Ridzuan.
s.k.

Yang Berbahagia,
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Ipoh - (MPI A1/7/5/86).

Pentadbir Tanah Daerah,
Ipoh - (PTK(1) 9/2/87).

Penguras Besar,
d/a Unit Bumiputra,
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak,
Jalan Club,
Ipoh.

Pada 17 April 1990 PTGP telah menulis kepada Pengarah Ukur dan surat tersebut (CKP-9) dikemukakan juga untuk rujukan:

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian,
30576 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Raj. Kami: Bil. (61) dlm. PTG.
Pk. 407/5/2531 Bhg. 2.

Tarikh: 21 Ramadan 1410
17 April 1990

Pengarah Ukur,
Perak Darul Ridzuan.

Tuan,

Pelan pinta ukur untuk berimilik tanah di bawah seksyen 76 KTN(Akta 56/1965) kepada Pengkalan Pegoh Dev. Sdn. Bhd. Mukim Ulu Kinta.

Bersama-sama ini diedarkan pelan pinta ukur PTG. Pk. (Perumahan) Bil. 41-90 dan satu salinan kertas Mesyuarat berserta keputusan/Kertas Ringkasan untuk tindakan tuan selanjutnya.

2. Permohonan ini telah diluluskan oleh M.M.K./Y.A.B. Menteri Besar, Perak pada 7 Mac 1989.

Sekian dimaklumkan.

Saya yang menurut perintah,

t.t. (Mohd. Kassim, bin Jamaludin, PJK.]
b.p. Pengarah Tanah dan Galian,
Perak Darul Ridzuan.

s.k. Pentadbir Tanah Daerah, Ipoh.
(Fail: PTK(T)9/52/85 berkaitan).

Jurukur Yap Sze Pin,
8, Jalan Voon Thian Soo,
30250 Ipoh.

(Sila tuan hubungi pihak Jabatan Ukur Perak mengenai pengukuran ini dan sila tuan kemukakan butir-butir yang diperlukan untuk pendaftaran hakmilik sementara).

Pengarah,
Pengkalan Pegoh Dev. Sdn. Bhd.,
53A, 1st Floor, Jalan Lahat,
30200 Ipoh.

Plaintif-plaintif telah seterusnya diberi sijil hakmilik untuk dua puluh empat lot tetapi kerja kemajuan mereka telah diganggu oleh defendan-defendan membina sebuah rumah pump dan memindah tanah dari tanah-tanah tersebut tanpa persetujuan atau pengetahuan plaintif-plaintif. Formasi seterusnya sebuah kolam yang besar telah juga menyebabkan kerugian yang tidak ternilai kepada tanah-tanah tersebut membuatnya tidak sesuai untuk kemajuan sekim perumahan selanjutnya.

Walaubagaimanapun, defendan-defendan, dalam memohon mengenepikan injunksi, telah mengeksibitkan YSF-1 lampiran 11 iaitu surat dari Pejabat Daerah dan Tanah, Ipon bertarikh 21 Januari 1989 yang memberi mereka pemilikan 8.25 ekar di Wilayah Pengkalan Pegoh di bawah seksyen 42(1)(a) Kanun Tanah Negara 1965. Adalah perlu untuk mengemukakan surat tersebut di ketika ini:

Pejabat Daerah dan Tanah,
30000 Ipoh.

Raj. Kami: Bil.(24) dlm. PTK(I)3/255.

Tarikh: 14 J'Akhir 1409
21 Januari 1989

Karen Sdn. Bhd.,
14A-15A, New Pasir Puteh,
31650 Ipoh.

Tuan,

Permohonan untuk memiliki tanah Kerajaan seluas kira-kira 8.25 ekar di Wilayah Pengkalan Pegoh dalam Mukim Ulu Kinta Daerah Kinta untuk Bangunan Kelab di bawah s. 42(I)(a) Kanun Tanah Negara (Akta 56/1965)

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas sukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan untuk memiliki kawasan seperti ditunjuk bergarisan tepi warna merah pada surihan berkepil telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan dengan perjanjian dan syarat-syarat seperti berikut:

(a) Jenis Hakmilik	-	Pajakan Negeri
(b) Tempoh	-	60 tahun
(c) Premium	-	RM91.70 bagi setiap 100 kaki persegi atau sebahagian daripadanya (3/4% x RM22/10.8 skp. x 100 kp. x 60 tahun)
(d) Hasil	-	RM20.00 bagi setiap kaki persegi tertakluk kepada hasil minimum sebanyak RM200.00 bagi satu hakmilik setahun.
(e) Bayaran Ukur	-	Mengikut Jadual
(f) Syarat-syarat tertentu		(i) Pemilik hendaklah di dalam tempoh dua (2) tahun daripada tarikh pengeluaran milik mendirikan bangunan-bangunan mengikut pelan yang diluluskan oleh, Majlis Perbandaran Ipoh dan hendaklah selepas itu menjaganya di dalam keadaan yang baik yang dapat memuaskan hati Pentadbir Tanah Daerah berkenaan.
		(ii) Pemilik akan membayar dan bertanggungjawab di atas segala cukai, bayaran assessmen dan sebarang apa bayaran yang lain berkenaan tanah yang dengan ini diberi milik atau sebarang bahagian atau yang mungkin atau mesti dibayar berkenaan sebarang bangunan yang pada masa ini didirikan atau akan didirikan di atas tanah itu semasa dikenakan oleh sebuah Majlis Perbandaran, Majlis Daerah atau sebarang penguasa lain yang sah di sisi undang-undang.
(g) Sekatan milik	-	tanah yang dengan ini diberi milik tidak dibenarkan ditukar-milik atau dipajak melainkan kepada orang yang diberi kebenaran dengan bertulis oleh Menteri Besar.

(h) Dikenakan penjenisan "Bangunan" di bawah s. 52(3) Kanun Tanah Negara (Akta 56/1965).

2. Oleh yang demikian sekiranya tuan bersetuju dengan syarat-syarat tersebut di atas maka tuan dijemput hadir di Pejabat Tanah Ipoh pada 4 Februari 1988 jam 9.00 pagi untuk mengambil Notis Genap Masa Hasil Tanah Dibayar (Borang 5A) dan pembayaran boleh juga dibuat pada tarikh tersebut berjumlah RM403,899.80 (Ringgit: Empat ratus tiga ribu lapan ratus sembilan puluh sembilan dan sen lapan puluh sahaja).

3. Untuk makluman tuan Pentadbiran ini tidak lagi menerima bayaran melalui cek persendirian. Semua bayaran hendaklah dengan:

(a) Wang tunai
(b) Wang Kiriman Pos/Postal Order
(c) Bank Draft
(d) Cashier's Order
(e) Bankers' Order
(f) Bank Guarantee

Sekianlah dimaklumkan.

"Berkhidmat untuk Negara"

Saya yang memurut perintah,
t.t. (Mohd. Nazri bin Abdullah, PPT.)
b.p. Pentadbir Tanah Daerah,
Kinta,
Ipoh.

s.k. Pengarah Tanah dan Galian,
Perak Darul Ridzuan,
30576-PTG. Pk. 271/7-181.

Ini telah didahului oleh surat daripada PTGP kepada Pentadbir Tanah Daerah, Ipoh bertarikh 24 Disember 1988 yang pengemukaannya relevan di sini untuk maksud penerangan:

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian,
Jalan Panglima Bukit Gantang,
Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
Ruj. Kami: Bil(9) dlm. PTG Pk. 271/1-181
Tarikh: 15hb. J'Awal 1409.
24hb. Disember 1988.

Pentadbir Tanah Daerah,
30000 Ipoh.

Permohonan untuk memiliki tanah kerajaan seluas kira-kira 10 ekar di Wilayah Pengkalan Pegoh dalam Mukim Ulu Kinta Daerah Kinta untuk Bangunan Kelab di bawah seksyen 42(1)(a) Kanun Tanah Negara (Akta 56/1965)

Merujuk kepada surat tuan Bil. (18) dlm. PTK(I) 3/255/86 bersama-sama ini dikepilkan satu salinan Kertas Mesyuarat dan surihan yang menunjukkan kawasan berkenaan setelah ditimbang oleh M.M.K. dan keputusan seperti berkepil untuk makluman dan tindakan tuan.

2. Sila ambil tindakan bagi menyampaikan keputusan M.M.K. kepada pemohon dalam masa dua minggu daripada tarikh surat ini.

3. Tuan adalah dikehendaki mengemukakan satu salinan seperti menyampaikan borang 5A dan lain-lain tindakan yang diperlukan berkaitan dengan pemberian milik tanah itu untuk rekod pejabat ini.

4. Sila kembalikan "Surat Akuan Terima" dengan menggunakan borang yang dikepilkan bersama ini dengan segera.

t.t. (Samahan binti Abu Hassan)
b.p. Pengarah Tanah dan Galian,
Perak Darul Ridzuan.

s.k. Karen Sdn. Bhd.,
14A-15A, New Pasir Puteh,
31650 Ipoh.

Saya telah menangguhkan perkara ini untuk meneliti pelan-pelan yang tentu sekali telah tidak dipertikaikan kerana kedua-dua pihak menuntut hak masing-masing di kawasan yang sama. Oleh kerana pelan-pelan yang dieksibitkan hanyalah salinan fotostat pelan yang asal, saya telah meminta peguam untuk kedua-dua pihak mengemukakan kepada saya pelan-pelan yang asal untuk melihat kawasan yang bertanda merah yang telah diluluskan oleh PTGP. Pendapat saya seterusnya ialah kawasan yang telah diberi kepada plaintif-plaintif yang berada di atas Lot 8679 adalah sebenarnya sebahagian dari kawasan yang telahpun diberi kepada defendan-defendan empat bulan terdahulu.

Surat-menyurat relevan yang dieksibitkan telah menjelaskan fakta ini dengan nyata dan atas perkara ini sahaja, setelah menimbangkan bahawa defendan-defendan telah diberi kelulusan oleh PTGP untuk mengerjakan tanah-tanah tersebut empat bulan sebelum kelulusan kepada plaintif-plaintif, dan seterusnya plaintif-plaintif bukanlah mempunyai pemilikan eksklusif ke atas tanah-tanah tersebut, pendapat saya ialah injunksi yang telah diberi kepada plaintif-plaintif pada 5 Jun 1990 sepatutnya diketepikan dengan kos dan Penolong Kanan Pendaftar yang arif diminta menilai gantirugi, jika ada, yang ditanggung oleh defendan-defendan disebabkan pemberian injunksi tersebut. Saya juga telah memerintahkan Penolong Kanan Pendaftar yang arif untuk menetapkan tarikh bicara awal untuk kes utama.

Melalui saman dalam kamar (lampiran 24) yang difailkan pada 1 Ogos 1990, di atas sijil perakuan segera, plaintif-plaintif telah memohon kebenaran merayu ke Mahkamah Agung dan juga untuk penggantungan perlaksanaan sementara menunggu rayuan tetapi selepas mendengar hujah-hujah pada 9 Ogos 1990, saya telah menolak permohonan tetapi telah memberi plaintif-plaintif kebebasan memohon kebenaran dari Mahkamah Agung. Walau bagaimanapun, pada hari yang sama, plaintif-plaintif telah memfailkan notis rayuan dan peguam bijaksana mereka telah memberitahu Penolong Kanan Pendaftar yang arif bahawa ini adalah kerana bahan perkara lebih dari satu ratus ribu ringgit. Mengapa mereka telah memfailkan permohonan kebenaran merayu pada mulanya tidak diterangkan.

Mungkin ini adalah kerana tafsiran yang was-was dan tidak konsisten terhadap s. 68 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 di mana perenggan (a) seksyen kecil (1) menyatakan bahawa tiada rayuan boleh dibawa ke Mahkamah Agung di mana amaun atau nilai bahan perkara tuntutan tidak termasuk faedah adalah kurang dari satu ratus ribu ringgit, melainkan dengan kebenaran Mahkamah Agung atau Hakim Mahkamah Tinggi, dan di mana seksyen kecil (2) menyatakan bahawa tiada rayuan boleh dibuat dari perintah yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi dalam kamar melainkan Hakim telah memperakukan, selepas permohonan, dalam tempoh empat hari selepas membuat perintah oleh mana-mana pihak untuk hujah selanjutnya dalam Mahkamah, bahawa beliau tidak perlukan hujah lanjut, atau melainkan kebenaran didapati dari Mahkamah Agung atau dari Hakim Mahkamah Tinggi, seksyen kecil (2) pada masa lampau menimbulkan beberapa masalah tafsiran oleh kerana masih tidak jelas sama ada pihak yang terkilan oleh perintah yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi dalam kamar perlu memohon kedua-duanya hujah lanjut di Mahkamah terbuka dan Hakim telah memperakukan yang beliau tidak memerlukan hujah lanjut, dan juga untuk kebenaran, atau

samada dia perlu memohon hanya untuk satu daripada kedua ini. Perkataan "or" selepas "argument" yang terdapat pada kali yang kedua dalam seksyen kecil tersebut telah dengan nyata menyebabkan kekeliruan tetapi pendapat saya ialah ianya disjunktif dan bakal perayu tidak perlu mengambil kedua-dua langkah.

Dalam perkara ini, saya telah memberi sijil yang hujah lanjut tidak diperlukan pada 10 Julai 1990 dan mengikut pandapat saya, plaintif-plaintif tidaklah dikehendaki memohon kebenaran. Tambah lagi, seksyen kecil (2) tidak menyebut tentang amaun yang dipertikaikan dan oleh itu ianya patut dianggap tidak relevan. Walau bagaimanapun, seksyen kecil (1) tidak menyatakan apa-apa pengecualian dan ini menyebabkan bertambahnya kesulitan tafsiran mengenai pembacaan seksyen tersebut sepenuhnya kerana kebenaran yang dinyatakan adalah untuk sebab-sebab berlainan dalam kedua-dua seksyen-seksyen kecil ini. Untuk seksyen kecil (1), ianya kerana amaun tetapi untuk seksyen kecil (2), mungkin ianya kerana tiada sijil yang hujah lanjut tidak diperlukan telah didapati dalam tempoh empat hari dari perintah. Tempoh empat hari di seksyen kecil (2) telah seterusnya membangkitkan masalah pentadbiran yang lain. Koma-koma yang relevan menunjukkan bahawa hakim mesti memperakukan dalam tempoh empat hari dari perintah dan ini bermakna permohonan oleh pihak terkilan mestilah dibuat sebelum empat hari itu berlalu. Walau bagaimanapun, amalan menunjukkan bahawa sungguhpun permohonan telah dibuat dalam tempoh, fail mungkin tidak sampai ke Hakim dalam empat hari itu dan sijil pada kebiasaannya diberi selepas tempoh empat hari itu.

Telah menjadi perlu bagi saya melencung sedikit mengenai s. 68 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 tetapi isu ini walau bagaimanapun perlu diselesaikan dan tidak dibiarkan terus disalahtafsirkan oleh semua pihak yang berkenaan. Adalah diharapkan, dengan rayuan ini, Mahkamah Agung akan memberi pendapat yang pasti mengenai seksyen tersebut.

Also found at [1991] 1 CLJ 102